

Panas melampau punca Eropah hilang banyak hutan

Perubahan iklim dijangka burukkan lagi kebakaran pada masa depan

Paris: Tahun 2022 bakal menyaksikan Eropah kehilangan lebih banyak hutan di benua itu susulan kebakaran dengan saintis memberi amaran perubahan iklim menyumbang kepada kerosakan lebih teruk.

Kebakaran di beberapa bahagian Perancis, Sepanyol dan Portugal memusnahkan lebih banyak tanah setakat tahun ini berbanding 2021, iaitu kira-kira 517,881 hektar atau keluasan setara dengan Trinidad dan Tobago.

Penyelaras perkhidmatan pemantauan satelit EFFIS Kesatuan Eropah, Jesus San Miguel, berkata keadaan itu jauh lebih buruk berbanding andaian, walaupun pihaknya menjangkakan banyak anomali suhu dengan ramalan jangka panjangnya.

Beliau berkata, keadaan mungkin bertambah buruk pada masa akan datang, sambil menjelaskan ciri pemanasan global adalah sepanjang musim kebakaran tahun ini.

“Pencucuhan disebabkan oleh manusia (tetapi) gelombang haba adalah kritikal dan jelas dikaitkan dengan perubahan iklim.

“Musim kebakaran terdahulu



Gebreros, Avila di Sepanyol antara kawasan yang terjejas akibat gelombang haba. (Foto REUTERS)

tu tertumpu dari Julai hingga September. Kini kita mendapati musim lebih panjang dan api sangat terang. Kami menjangkakan perubahan iklim akan mewujudkan keadaan kebakaran lebih tinggi di Eropah,” katanya.

Gelombang haba 'bakar' Eropah

Suhu meningkat lebih 1.1 darjah Celsius sejak era perindustrian dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menjelaskan bumi ketika ini berada di landasan bagi pemanasan kira-kira 2.7 darjah Celsius, abad ini.

Ia sudah cukup untuk menjadikan gelombang haba yang memusnahkan Eropah minggu ini, berisiko lebih kerap dan bertahan lebih lama apabila berlaku.

Sementara itu, EFFIS berkata,

hampir 40,000 hektar hutan di Perancis hilang akibat kebakaran setakat tahun ini, iaitu lebih 30,000 hektar yang terbakar, pada 2021.

Gelombang panas 10 hari di Sepanyol yang mengorbankan lebih 500 orang bulan ini, menyaksikan 190,000 hektar hutan terbakar tahun ini berbanding 85,000 hektar pada 2021.

EFFIS menjangkakan, Eropah menamatkan 2022 dengan lebih banyak tanah terbakar mengikut keluasan berbanding 2017 yang ketika ini tahun terburuk direkodkan bagi kebakaran hutan dengan hampir sejuta hektar musnah.

Hutan seluas 470,359 hektar musnah akibat kebakaran di Eropah, terutama di Itali dan Greece sepanjang 2021.

Kedua-dua negara itu mampu

nyai rekod baik dari segi kebakaran hutan pada tahun ini, apabila Itali menyaksikan kehilangan 25,000 hektar berbanding 150,000 hektar pada 2021, manakala Greece kehilangan 7,800 hektar berbanding 130,000 hektar tahun lalu.

Suhu minggu ini julung kali mencecah 40 darjah Celsius dalam rekod di Britain yang mana 20,000 hektar hutan iaitu jumlah yang agak besar, terbakar sejak Januari lalu.

Kajian pada Februari lalu, mendapati kadar risiko kebakaran melampau di Britain pada Julai dan Ogos yang dicatatkan pada tahap sembilan peratus ketika ini akan meningkat kepada 26 peratus dengan pemanasan 2 darjah Celsius. AFP